

29 OCT 2001

Dewan-Selangor (Belanjawan)

BELANJAWAN S'GOR 2002 ALAMI DEFISIT 32.3 PERATUS

SHAH ALAM, 29 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo hari ini membentangkan Belanjawan Selangor bagi tahun 2002 berjumlah RM1.385 bilion berbanding anggaran hasil RM1.047 bilion.

Ketika membentangkan belanjawan itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri, beliau berkata ia adalah belanjawan defisit sebanyak 32.2 peratus dengan jumlah peruntukan mengatasi anggaran hasil sebanyak RM337.9 juta.

Menurutnya, daripada jumlah perbelanjaan itu, sejumlah RM1.249 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan perbekalan, bertambah sebanyak RM160.3 juta atau 14.7 peratus berbanding tahun ini.

Menteri Besar itu berkata daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM136.5 juta adalah di bawah perbelanjaan emolumen, pertambahan RM1.6 juta berbanding tahun ini.

Ini tidak termasuk kenaikan gaji 10 peratus dan bonus kakitangan kerajaan yang diumumkan dalam Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 19 Okt lepas.

Sejumlah RM631.1 juta pula dicadang diperuntukkan bagi perbelanjaan lain, yang menunjukkan pertambahan sebanyak RM280 juta atau 79.8 peratus berbanding 2001, kata Dr Mohd Khir.

"Pertambahan yang tinggi ini disebabkan kerajaan negeri memutuskan supaya perbelanjaan pembelian air sebanyak RM300 juta dijelaskan secara langsung melalui peruntukan negeri," katanya.

Sejumlah RM480.9 juta pula merupakan caruman kepada kumpulan-kumpulan wang Pembangunan.

Dr Mohd Khir juga mengumumkan bahawa pada tahun depan sejumlah RM1.078 bilion dicadangkan untuk perbelanjaan pembangunan.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM618.1 juta untuk perbelanjaan pembangunan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan sejumlah RM454 juta di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air dan RM6 juta bagi perbelanjaan pembangunan hutan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan, katanya.

Beliau berkata peruntukan pembangunan sejumlah RM618.1 juta diagihkan kepada lapan jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan projek pembangunan negeri.

"Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM475.4 juta disediakan secara langsung melalui peruntukan negeri manakala RM22.9 juta dalam bentuk pinjaman daripada kerajaan persekutuan," katanya.

Sementara itu, katanya, anggaran hasil 2002 berjumlah RM1.047 bilion menunjukkan peningkatan 4.5 peratus atau RM45 juta berbanding anggaran hasil 2001 sebanyak RM1.002 bilion.

Daripada jumlah itu hasil cukai dijangka menyumbang RM303.1 juta atau 29 peratus, hasil bukan cukai menyumbang sebanyak RM405.5 juta atau 38.7 peratus, dan terimaan bukan hasil menyumbang RM338.1 juta atau 32.3 peratus daripada hasil, kata beliau.

Kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah RM136 juta di bawah perbelanjaan tanggungan, dengan RM10 juta daripadanya diperuntukkan di bawah peruntukan Diraja dan RM4.8 juta di bawah perbelanjaan Dewan.

-- BERNAMA

RIZ NMO